

MIGHT, Turkish Aerospace meterai komitmen kerjasama

Rafidah Mat Ruzki - Julai 8, 2022 @ 11:09am

fidahruzki@bh.com.my



Ismail Sabri (dari kiri), Ahmad Tajuddin, Tomel dan Erdogan pada majlis pemeteraian surat niat (LOI) komitmen kerjasama di antara MIGHT dan Turkish Aerospace di Ankara, semalam. - BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia melalui Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) semalam memeterai komitmen kerjasama dengan Turkish Aerospace Industries Inc (Turkish Aerospace), syarikat pertahanan dan aeroangkasa terbesar Turkiye.

Kementerian Sains, Teknologi dan Industri (MOSTI) dalam satu kenyataan hari ini, memaklumkan komitmen kerjasama bagi penggalakan pembinaan keupayaan bersama dalam industri dan teknologi antara kedua-dua negara itu dimeterai melalui Surat Niat (LOI).

Majlis pemeteraian LOI berkenaan ditandatangani Pengerusi Bersama (Industri) MIGHT, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Turkish Aerospace, Prof Temel Kotil majlis di Istana Presiden di Ankara.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Presiden Recep Tayyip Erdogan.

Menurut MOSTI, Ismail Sabri sebelum itu melawat Turkish Aerospace, iaitu pusat kecemerlangan Turkiye bagi reka bentuk, pembangunan dan pemodenan pesawat udara, sistem kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) serta subsistem satelit serta angkasa lepas.

"Untuk makluman, Turkish Aerospace sudah membuka pejabat kejuruteraan dan reka bentuk di Cyberjaya yang kini menempatkan 20 jurutera Malaysia. Turkish Aerospace turut komited untuk melatih dan menempatkan 100 lagi jurutera tempatan dalam masa terdekat," kata kementerian berkenaan.

Dalam kenyataan sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Adham Baba yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan rasmi berkenaan turut menyatakan sokongan kementeriannya terhadap jalinan kerjasama di antara MIGHT dan Turkish Aerospace.

"MOSTI percaya bahawa elemen terpenting dalam memastikan transformasi Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi ialah dengan mengeratkan kerjasama dan menyelaras model perniagaan bagi menerokai teknologi-teknologi baharu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Bersama (Industri) MIGHT, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata perkongsian berterusan di antara Turkish Aerospace dan Malaysia menggalakkan pemindahan pengetahuan dalam bidang UAV, angkasa dan pesawat kepada pakar Malaysia daripada pelbagai agensi dan industri.

Kerjasama itu, katanya, mampu menjadi pemangkin kepada Malaysia dalam pengeluaran produk berteknologi tinggi, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada perolehan asing dalam bidang strategik seperti pertahanan dan keselamatan.

"Ini juga langkah tepat dalam merealisasikan aspirasi Malaysia untuk memulihkan penguasaan dalam pembangunan teknologi di pasaran global," katanya.